

D818

B 8831 DEB
MAHATHIR - KOMPROMI RRR

KUALA LUMPUR, 22 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA, BELIAU SETAKAT INI KURANG PASTI SAMA ADA USAHA SEDANG DIJALANKAN KE ARAH MENGADAKAN KOMPROMI ANTARA PEMIMPIN UTAMA YANG DIJANGKA BERTANDING PADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO BULAN DEPAN.

KATANYA, SETAKAT INI BELIAU TIDAK NAMPAK TANDA-TANDA KE ARAH KOMPROMI ITU.

SEMASA BERCAKAP KEPADA PEMBERITA SELEPAS MEPASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN SERENTAK TUJUH UMNO BAHAGIAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN DI SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU HANYA MENGETAHUI PERKARA ITU MELALUI LAPORAN (AKHBAR) SAHAJA.

KETIKA MENJAWAB SOALAN PEMBERITA, BAGAIMANAKAH SEKIRANYA MENTERI PARDAGANGAN DAN PERINDUSRIAN TENGGU RAZALEIGH KINI HANYA MENUNGGU JAWAPAN DARIPADANYA MENGENAI KOMPROMI ITU SEBELUM MEMBUAT PENGUMUMAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SETAKAT INI BELIAU BELUM NAMPAK TANDA DAN HARAPAN MENGENAI PERKARA ITU.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, JIKA ADA USAHA SEDEMIKIAN DIJALANKAN, BELIAU TERPAKSA MELIHAT DAHULU CORAK KOMPROMI ITU. -- LAGI.
1846MST 22 03 87

D819

B 8832 DEB
MAHATHIR - KOMPROMI 2 KUALA LUMPUR RRR

MENGENAI SOAL MENCABAR PUCUK PIMPINAN, BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA, BUKAN TIDAK BOLEH MENCABAR ATAU BERTANDING JAWATAN PRESIDEN PARTI TETAPI CARA PERTANDINGAN BIARLAH DIJALANKAN SECARA YANG BOLEH MENGELAKKAN PERPECAHAN DALAM PARTI.

PERDANA MENTERI BERKATA, JANGAN KERANA HENDAK BERTANDING, KATA-KATA YANG KESAT DAN FITNAH DIKELUARKAN DAN AKIBATNYA AKAN MEMBAWA PERSELISEHAN YANG BERPANJANGAN.

BELIAU BERKATA, SEBAIK-BAIKNYA PUCUK PIMPINAN BIARLAH DIPILIH SECARA GILIRAN KERANA BEKAS PERDANA MENTERI ALLAHYARHAM TUN ABDUL RAZAK JUGA TERPAKSA MENUNGGU 13 TAHUN SEBELUM DIPILIH SEBAGAI PRESIDEN UMNO.

MENGENAI HASRAT TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA UNTUK BERTANDING SEBAGAI TIMBALAN PRESIDEN UMNO PADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO INI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU AKAN BERTANDING JIKA MENDAPAT PENCALONAN.

APABILA DITANYA KENAPAKAH SEHINGGA INI ENCIK GHAFAR BELUM MEMBUAT PENGESAHAN LAGI, PERDANA MENTERI BERKATA, PENGESAHAN TIDAK PERLU SEKARANG DAN RAMAI CALON LAIN JUGA BELUM MEMBUAT PENGESAHAN. -- LAGI.

1848MST 22 03 87

B 8833 DEB
MAHATHIR - KOMPROMI 3 KUALA LUMPUR RRR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU AKAN MEMBERI SOKONGAN PENUH KEPADA ENCIK GHAFAR PADA PERTANDINGAN ITU NANTI.

MENGENAI KRISIS POLITIK DI SARAWAK APABILA KEDUA-DUA KUMPULAN, IAITU PIHAK KETUA MENTERI DATUK PATINGGI ABDUL TAIB MAHMUD DAN PARTI BANSA DAYAK SARAWAK (PBDS) AKAN MENGGUNAKAN LAMBANG BARISAN NASIONAL (BN) PADA PILIHAN RAYA AKAN DATANG, BELIAU BERKATA, PERKARA ITU AKAN DIRUNDINGKAN DALAM MESYUARAT BN NANTI. -- BERNAMA.

1849MST 22 03 87